

# Tanam kebencian: Nik Aziz minta bukti

UM 23 JAN 2002  
Oleh YULPISMAN ASLI

PASIR MAS 22 Jan. — Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, kerajaan perlu membuktikan dakwaan bahawa Pas telah menanam kebencian terhadap pemimpin dan kerajaan di taman didikan kanak-kanak (tadika) dan taman asuhan kanak-kanak Islam (taski) kelolaannya.

Katanya, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan mungkin melarang Pas daripada mengendalikan taska dan taski jika institusi seumpama itu terus mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan, tidak lebih daripada tindakan politik UMNO untuk mengabui mata masyarakat.

"Dia boleh tengok kurikulum. Dia perlu buktikan benda mana sehingga dituduh membenci pemimpin kerajaan," katanya ketika ditemui selepas mengunjungi mudir pondok Lubuk Tapah dekat sini hari ini.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, kerajaan dan UMNO sepatutnya berterima kasih kepada pihak yang mewujudkan kelas-kelas pendidikan untuk kanak-kanak.

"Sekiranya betul ada guru menghasut dan membenci orang lain, kita pun tidak setuju. Kita sedia ketepikan guru macam itu," tegasnya.

Menurut Nik Abdul Aziz, Pas mewujudkan taman asuhan kanak-kanak bagi memberikan pendidikan kepada kanak-kanak supaya mereka kenal Islam se-

jak dari kecil lagi kerana parti itu masih belum mampu membentuk sebuah kerajaan di peringkat Pusat.

"Kita boleh fikirkan seandainya UMNO sendiri tidak mampu membentuk kerajaan di peringkat Pusat sebagaimana sekarang, dia juga akan mewujudkan tadika di atas nama UMNO.

"Bagaimanapun disebabkan kita masih tidak ada kerajaan di peringkat Pusat, maka kita buat cara kita. Kita gempurkan pemikiran masyarakat supaya mereka mewujudkan kelas-kelas Pasti (tadika kelolaan Pas) supaya kanak-kanak yang kecil lagi sudah tahu mengenai Islam," jelasnya.

Perdana Menteri semalam dilaporkan berkata, bahawa kerajaan mungkin melarang Pas daripada me-

ngendalikan tadika dan taski jika institusi seumpama itu terus mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan, bukannya mengajar agama sebenar.

Dr. Mahathir berkata, kajian akan dibuat sama ada untuk memperkenalkan undang-undang baru atau undang-undang sedia ada dipinda, bagi mengawal pembukaan tadika atau taski supaya matlamat penubuhannya tidak diselewengkan.

Menurut Perdana Menteri, setakat ini tiada undang-undang khusus untuk mengawal taman didikan kanak-kanak seumpama itu. Selain ia dibuka sesuka hati, kelulusan dan tahap pengetahuan agama, tenaga pengajarnya juga tidak diketahui.